**JABATAN BENDAHARI NEGERI SABAH**
Blok A, Tingkat 8 - 11,
Pusat Pentadbiran Negeri Sabah,
Jalan Teluk Likas, Tanjung Lipat,
88400 Kota Kinabalu, Sabah

JABATAN BENDAHARI NEGERI

Tel.: 088-368397 Faks: 088-211392 E-mel: bn.jbn@sabah.gov.my

Bil. JBNS: (A)100-4/10 Jld.4 ( 164 )

Tarikh : 11 Januari 2021

Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Setiausaha Tetap Kementerian
Semua Ketua Jabatan
Semua Pegawai Daerah
Semua Penolong Pegawai Daerah Kecil

Yang Berbahagia Datuk/Tuan/Puan

**PEKELILING JABATAN BENDAHARI NEGERI SABAH BILANGAN 3 TAHUN 2021**
**KWSP : PERUBAHAN KADAR CARUMAN BERKANUN SYER PEKERJA 2021**

1. **TUJUAN**
Tujuan surat pekeliling ini adalah untuk memaklumkan pelaksanaan perubahan kadar caruman berkanun syer pekerja selaras dengan keputusan pihak KWSP .

2. **KADAR BERKANUN CARUMAN SYER PEKERJA**
2.1 Kumpulan Wang Simpanan PekerJa (KWSP) telah memaklumkan perubahan kadar berkanun syer pekerja kepada 9% untuk pekerja berumur di bawah 60 tahun. Manakala kadar caruman bagi pekerja berumur 60 tahun dan ke atas adalah dikekalkan.
2.2 Pencarum yang memilih untuk mengekalkan kadar caruman syer pekerja pada 11% adalah dikehendaki untuk mengisi borang KWSP 17A (KHAS 2021) dan borang yang telah lengkap diisi hendaklah dikemukakan kepada majikan masing-masing untuk didaftarkan secara dalam talian melalui kemudahan i-Akaun (Majikan).

3. **PELAKSANAAN**
3.1 Bagi Anggota Perkhidmatan Awam Negeri yang masih mencarum KWSP dan gaji mereka dibayar melalui Sistem Gaji Pusat (SGP) termasuk Jabatan Mengakaun Sendiri (JMS), perubahan kadar caruman KWSP syer pekerja akan dibuat secara automatik oleh Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri (JPKN).
3.2 Bagi Anggota Perkhidmatan Awam Negeri yang memilih untuk mengekalkan kadar caruman syer pekerja pada 11%, pengemaskinian data melalui Sistem E-Pay A3 hanya boleh dibuat dengan menggunakan kod 802 tertakluk kepada Jadual Penghantaran Input bulanan selepas pihak majikan mendaftarkan dalam talian melalui kemudahan i-Akaun (Majikan). Sila kepilkan bersama dokumen yang menunjukkan pendaftaran telah berjaya didaftarkan untuk menyokong input Sistem E-Pay A3.

3.3 Anggota Perkhidmatan Awam Negeri yang gaji mereka dibayar melalui Sistem Baucer Berasingan (SBB), perubahan kadar carumari syer pekerja hendaklah dibuat secara manual oleh pihak Kementerian / Jabatan masing - masing.

**4. JADUAL KADAR CARUMAN KWSP BULANAN**

4.1 Kementerian / Jabatan masing - masing boleh memuat turun jadual caruman (Jadual Ketiga) terkini yang berkuatkuasa mulai 1 Januari 2021 sehingga 31 Disember 2021 dengan melayari laman web KWSP: ***www.kwsp.gov.my***

**5. TEMPOH KUATKUASA**

5.1 Perubahan kadar berkanun caruman syer pekerja ini ialah untuk tempoh mulai gaji bulan Januari 2021 sehingga Disember 2021.

**6. PENUTUP**

Sekiranya terdapat kemusykilan dalam pelaksanaan pekeliling ini, sila berhubung terus dengan Akauntan Seksyen Saraan melalui telefon 088 - 368516.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

**(MARY ANGELA SIPAUN C.A.(M), FCPA(A), ASEAN CPA)**
**Bendahari Negeri**

s.k. Pengarah
Jabatan Kerja Raya
Bangunan KPI
Jalan Sembulan
**88999 KOTA KINABALU**
(u.p: Ketua Penolong Pengarah, Cawangan Akaun)

Pengarah
Jabatan Pertanian
Wisma Pertanian, Jln Tasik
Beg Berkunci 2050
**88632 KOTA KINABALU**
(u.p: Ketua Akauntan)

Ketua Konservator Hutan
Jabatan Perhutanan
Beg Berkunci 68
**90009 SANDAKAN**
(u.p: Ketua Akauntan)

Pengarah
Jabatan Tanah Dan Ukur
Wisma Tanah dan Ukur
**88100 KOTA KINABALU**
(u.p : Ketua Akauntan)

Pengarah
Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri
Tingkat 7, PPNS
**88400 KOTA KINABALU**
u.p : Puan Norainie binti Matali
Puan Rafidah Binti Ali Hassan
Encik Yazid Yuzairie Bin Yunos
Encik Wan Ahmad Hazwan Bin Ahmad Suhaini